

Tiga pelajar Malaysia cemerlang ACCA 2007

KUALA LUMPUR: Tiga rakan mengharumkan nama negara apabila muncul pelajar terbaik Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) 2007 mengatasi 6,063 pelajar seluruh dunia yang mengambil peperiksaan berkenaan.

Tan Yong Chen, 20, menerima pingat emas, manakala pingat perak dikongsi bersama dua rakan baiknya, Lim Li Yin, 20, dan Choong Woon Wei, 20.

Ketiga-tiga pelajar kursus perakaunan Kolej Universiti Sunway, Petaling Jaya itu, mencatat markah tertinggi dalam semua kertas peperiksaan ACCA yang dijalankan serentak di seluruh dunia, Jun lalu.

Lapan lagi pelajar kolej itu turut melakar sejarah apabila mencatat markah tertinggi dalam kertas individu peperiksaan berkenaan.

Semua pelajar itu menerima sijil penghargaan masing-masing daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di sini semalam. Turut hadir, Canselor universiti itu, yang juga Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah.

Ketika ditemui, Tan dari Bandar Sri Damansara, berkata beliau terkejut apabila dimaklumkan pihak pengurusan universiti pada September lalu, mengenai kejayaan cemerlangnya itu.

Anak pesara arkitek dan guru itu tidak menjangka mendapat keputusan sebaik itu kerana hanya belajar seperti biasa tanpa mengabaikan aktiviti kegemarannya, termasuk bersukan.

Choong pula berkata sikapnya yang suka bertanya kepada pensyarah dan mengadakan perbincangan dengan rakan, banyak membantunya mencatat keputusan cemerlang.

Beliau berkata, belajar secara konsisten juga membantunya membuat persediaan awal menghadapi peperiksaan itu.

"Saya terkejut mendapat keputusan cemerlang ini kerana soalnya susah," katanya.

Oleh Faiza Zainudin

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.